

DATE: 22/11/2007

Suruhanjaya: Kabinet bincang lagi minggu depan

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN dan ZAHARUDDIN MOHD. ALI

SINGAPURA 21 Nov. – Kabinet akan membincangkan sekali lagi minggu depan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat rakaman klip video perbualan telefon seorang peguam terkemuka dengan seorang hakim kanan bagi mengatur pelantikan hakim di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengesahkan jemaah menteri telah membincangkan perkara itu hari ini, bagaimanapun Kabinet membuat keputusan untuk membincangkan perkara itu lagi sekembalinya beliau dari luar negara.

“Saya diberitahu mereka telah bincang dan buat keputusan perkara ini akan dibincangkan sekali lagi minggu depan apabila saya balik daripada lawatan ke luar negara,” katanya pada sidang akhbar pada akhir Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ketiga yang menyusul selepas Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 di sini hari ini.

Abdullah yang berada di republik ini sejak Isnin lalu berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini dan dijadual bertolak ke Kampala, Uganda esok bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Kabinet akan bermesyuarat bagi menentukan se-

narai ahli yang akan menganggotai Suruhanjaya Diraja tersebut.

Menurutnya, mesyuarat itu juga akan menentukan terma-terma rujukan suruhanjaya berkenaan.

Jumaat lalu, Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Diraja berdasarkan laporan panel khas bebas yang menyiasat kesahihan klip video tersebut.

Panel khas bebas yang ditubuhkan pada 25 September lalu dianggotai oleh bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Haidar Mohd. Noor; aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye dan bekas hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar.

Mereka diberi tempoh kira-kira sebulan untuk menyiasat klip video itu dan telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan baru-baru ini.

Tiga menteri pula iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dilantik oleh Kabinet untuk meneliti laporan panel khas itu.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, Abdullah akan mengumumkan keanggotaan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat klip video yang didakwa memaparkan perbualan seorang



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont berjalan untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Korea Selatan, Roh Moo-Hyun pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 di Singapura, semalam.

– Reuters

peguam dengan seorang hakim kanan berhubung pelantikan hakim-hakim.

Beliau berkata, mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini telah membincangkan perkara tersebut.

“Saya hanya boleh mengesahkan bahawa perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet hari ini tetapi dalam perkara yang besar seperti ini ia perlu diumumkan oleh Perdana Menteri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mempengerusi-

kan mesyuarat pasca-Kabinet peringkat kementeriannya di bangunan Parlimen.

Ditanya adakah Kabinet memperincikan senarai individu yang akan dilantik menganggotai suruhanjaya itu, beliau enggan mengulas.